




## LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI 2023




### PRESTASI SOSIOEKONOMI NEGERI 2023



### SUMBANGAN WILAYAH KEPADA KDNK MALAYSIA (%)



### STRUKTUR EKONOMI MENGIKUT SEKTOR (%)



### WILAYAH SARAWAK



### WILAYAH TIMUR



### WILAYAH SABAH



#### Nota:

- Sumbangan negeri kepada Wilayah (%)
  - Pertumbuhan KDNK (%)
  - Penduduk
  - Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)
  - Kadar Pengangguran (%)
  - Kadar Inflasi (%)
  - Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah (RM)
- <sup>1</sup>Termasuk W.P. Putrajaya  
W.P. = Wilayah Persekutuan KL = Kuala Lumpur

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri 2023  
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)





## ***Prestasi sosioekonomi semua negeri bertambah baik pada tahun 2023, disokong oleh pemulihan dalam bilangan pelancong antarabangsa yang meningkat sekali ganda kepada 20.1 juta***

- Empat (4) negeri merekodkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengatasi kadar nasional 3.6 peratus pada tahun 2023, didahului oleh Selangor (5.4%), Pahang (5.2%), Johor (4.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.7%). Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK 2023 dengan sumbangan kumulatif 73.1 peratus (2022: 72.9%).
- Pertumbuhan ekonomi di hampir semua negeri disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan yang disokong oleh industri berkaitan pelancongan. Bilangan pelancong meningkat 100.0 peratus kepada 20.1 juta berbanding 10.1 juta pada tahun 2022. Pada tempoh sama, bilangan pelawat domestik turut meningkat sebanyak 24.6 peratus kepada 213.7 juta orang pelawat dengan jumlah perbelanjaan pelancongan domestik bernilai RM84.9 bilion (2022: RM64.1 bilion), bertumbuh 32.5 peratus. Selangor dan W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan pelawat domestik tertinggi pada tahun 2023 masing-masing seramai 27.6 juta dan 22.2 juta orang pelawat.
- Dagangan Malaysia berjumlah RM2.6 trilion pada tahun 2023 dengan nilai eskport dan import masing-masing bernilai RM1.4 trilion dan RM1.2 trilion. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama Malaysia dengan sumbangan 31.4 peratus, diikuti Johor (20.3%), Selangor (17.7%), Sarawak (7.8%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.6%). Bagi import, Selangor mendominasi dengan sumbangan 26.6 peratus, diikuti Johor (22.4%), Pulau Pinang (20.7%), W.P. Kuala Lumpur (7.6%) dan Kedah (5.4%).
- Inflasi nasional menyederhana kepada 2.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelum, dengan semua negeri menunjukkan peningkatan perlahan. Inflasi di lima (5) negeri melepasi paras nasional 2.5 peratus iaitu W.P. Putrajaya (3.4%), Sarawak (3.1%), Selangor (2.9%), Perak (2.8%) dan Pahang (2.6%). Sementara itu, negeri yang merekodkan kadar inflasi terendah ialah W.P. Labuan (1.6%), diikuti Kedah dan Kelantan, masing-masing 1.7 peratus dan Terengganu (1.8%).
- Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 70.0 peratus (2022: 69.3%). Negeri yang merekodkan KPTB melebihi kadar nasional ialah W.P. Putrajaya, Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Melaka. Kadar pengangguran juga semakin baik pada tahun 2023, memulih kepada 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun 2022. Tujuh (7) negeri merekodkan kadar pengangguran di bawah 3.0 peratus, iaitu W.P. Putrajaya, Melaka, Pahang, Pulau Pinang, Johor, Selangor dan Kedah.

**Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**



@StatsMalaysia



**BANI 2024**  
**PERTANIAN**  
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



**MALAYSIA**  
**MADANI**

